

FAKTOR-FAKTOR YANG MENDORONG MASYARAKAT BABA DAN NYONYA DI BANDAR MELAKA MENCEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN

Muhammad Rashid Bin Rajuddin & Eric Yeo Cheng Aun

Fakulti Pendidikan,

Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK: Kajian deskriptif ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong masyarakat Baba dan Nyonya di Bandar Melaka menceburi bidang keusahawanan. Perkaitan dilakukan terhadap empat faktor yang dikhususkan kepada pengaruh faktor latar belakang keluarga, faktor sikap, faktor motivasi, dan faktor kemahiran-kemahiran yang dimiliki oleh usahawan. Instrumen kajian yang dijalankan adalah set soal selidik yang mengandungi 40 item. Skala Likert telah digunakan untuk tujuan pengumpulan data dan set soal selidik tersebut telah diedarkan secara rawak kepada 30 orang usahawan Baba dan Nyonya di sekitar Bandar Melaka. Maklumat-maklumat yang diperolehi kemudiannya dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 12.0 bertujuan untuk mendapatkan nilai min, kekerapan, dan juga peratusan. Daripada dapatan kajian yang diperolehi, nilai min purata menunjukkan bahawa faktor sikap, faktor kemahiran serta faktor motivasi diri berada pada tahap yang tinggi. Cuma faktor latar belakang keluarga berada pada tahap sederhana. Faktor sikap usahawan merupakan faktor pendorong yang terkuat dalam mempengaruhi masyarakat Baba dan Nyonya di Bandar Melaka menceburi bidang keusahawanan. Beberapa cadangan telah dikemukakan bagi membolehkan kajian lanjutan dilakukan pada masa hadapan.

ABSTRACT: This descriptive research was carried out to identify the factors that influenced the Baba Nyonya society in Malacca involving in the entrepreneurial activities. This research focused on four main factors, namely the family background factor, the attitude factor, motivational factor and the entrepreneur's skills factor. The research instrument used in this research was a set of questionnaire consisting of 40 items. Likert scale method was used to obtain the data information and the questionnaires were distributed randomly to 30 Baba Nyonya entrepreneurs in Malacca. All the information gathered was then analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 12.0 software to obtain the value of mean, frequency, and percentage. The result of this study shows that the value of average mean for the factor of attitude, skills, and motivation were at high level. Only the family background factor was at the average level. The main factor that influence the Baba Nyonya society in Malacca involving in entrepreneurial activities was the entrepreneur's attitude factor. Several suggestions were recommended for further studies.

Kata kunci: Baba dan Nyonya, *Statistical Package for Social Science* (SPSS)

PENGENALAN

Selaras dengan dasar Wawasan 2020, pembangunan arus kemodenan masa kini berkembang dengan begitu pesat sekali. Perubahan yang jelas ketara terhadap perkembangan teknologi tinggi secara tidak langsung menyebabkan masyarakat hari ini semakin maju. Tidak seperti dahulu, urusan hidup sehari-hari manusia pada hari ini telah banyak dipermudahkan dengan penggunaan mesin. Contohnya, proses pembayaran bil utiliti seperti bil air, bil elektrik, dan juga bil telefon boleh dibuat dari rumah melalui internet atau hanya dengan menggunakan mesin sahaja. Urusan perbankan juga boleh dibuat dari rumah secara online. Kemudahan-kemudahan yang ada pada masa kini telah sedikit sebanyak mempengaruhi keadaan ekonomi serta taraf hidup masyarakat zaman sekarang.

Pada masa kini telah lahirnya ramai golongan cerdik pandai yang dikeluarkan oleh institusi pengajian tinggi, ibarat buih di lautan. Statistik pengangguran golongan terpelajar meningkat dengan begitu mendadak sekali dari tahun ke tahun. Masalah pengangguran di kalangan siswazah telah menjadi satu isu hangat yang sering dibincangkan oleh masyarakat kini. Fenomena ini membuatkan ramai yang menukar arah ke bidang keusahawanan. Kajian oleh Ridz Muhammad dan Jelita Rahim (2006) membuktikan tujuh daripada sepuluh orang yang ditemui melahirkan cita-cita untuk memiliki perniagaan sendiri pada masa hadapan.

Penyataan Masalah

Negeri Melaka sememangnya terkenal dengan masyarakat berketurunan Baba dan Nyonya. Baba dan Nyonya adalah Cina Peranakan di mana nenek moyang mereka telah datang dan berkahwin dengan wanita tempatan. Perkahwinan campur seperti ini telah melahirkan budaya Cina yang unik berserta dengan tradisi Melayu. Masyarakat berketurunan Baba dan Nyonya sememangnya berbangsa Cina. Kaum Cina pula sememangnya selalu dikaitkan sebagai golongan masyarakat yang suka bermiaga. Seperti orang Cina yang lain, masyarakat Baba dan Nyonya menganggap bidang keusahawanan sebagai satu bidang kegiatan ekonomi yang mempunyai keindahan, kemegahan, dan kemuliaan yang tersendiri. Tidak hairanlah sekiranya kaum Baba dan Nyonya juga bergiat aktif dalam bidang keusahawanan. Akan tetapi, apakah sebenarnya faktor-faktor yang mendorong masyarakat Baba dan Nyonya menjadi seorang usahawan? Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong masyarakat Baba dan Nyonya di bandar Melaka menceburi bidang keusahawanan.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk memenuhi beberapa objektif. Antara fokus-fokus utama kajian ini adalah untuk:

1. mengetahui pengaruh faktor latar belakang keluarga dalam mempengaruhi seseorang yang berketurunan Baba dan Nyonya memilih kerjaya dalam bidang keusahawanan.
2. menentukan faktor sikap usahawan-usahawan Baba dan Nyonya dalam menceburi bidang keusahawanan.
3. menentukan faktor motivasi yang mendorong para usahawan Baba dan Nyonya semasa membuat pemilihan kerjaya sebagai seorang usahawan.
4. mengenal pasti kemahiran-kemahiran yang ada pada usahawan-usahawan Baba dan Nyonya dalam mempengaruhi mereka menceburi bidang keusahawanan.

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong masyarakat Baba dan Nyonya di bandar Melaka menceburi bidang keusahawanan. Berikut adalah antara kepentingan-kepentingan kajian ini dijalankan:

- 1 Menjadi panduan kepada pihak-pihak yang berminat untuk mendapatkan gambaran tentang penglibatan masyarakat Baba dan Nyonya dalam bidang keusahawanan.
- 2 Membandingkan keputusan kajian dengan hasil kajian yang lain untuk digeneralisasikan supaya faktor-faktor yang mendorong usahawan di Malaysia menceburi bidang keusahawanan boleh didapati.
- 3 Dijadikan bahan rujukan oleh cikgu-cikgu di sekolah dalam memberi nasihat atau kaunseling kerjaya kepada pelajar yang bercita-cita menjadi seorang usahawan.
- 4 Sebagai rujukan kepada Kementerian Pendidikan atau institusi pengajian tinggi untuk menggubal kurikulum yang sesuai bagi mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan.

5. Sebagai panduan kepada kerajaan atau kementerian yang terbabit dalam memahami keperluan usahawan dan memberi kemudahan-kemudahan yang sewajarnya kepada para usahawan.
- 6 Memberi panduan kepada penyelidik-penyalidik lain yang berhasrat menjalankan kajian yang hampir sama dengan tajuk kajian ini.

Batasan Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih bandar Melaka sebagai tempat kajian. Populasi yang dipilih adalah di kalangan usahawan yang berketurunan Baba dan Nyonya. Pengkaji tidak mengambil kira jenis perniagaan yang diceburi oleh usahawan-usahawan tersebut. Ini bermakna, sesiapa sahaja orang yang berketurunan Baba dan Nyonya di Melaka yang memiliki perniagaan sendiri boleh diambil sebagai responden kajian. Bidang kajian tidak mempunyai batasan umur dan jantina. Pengkaji hanya membataskan kajian ini mengikut persoalan kajian yang tertera. Akhir sekali, keputusan kajian ini bergantung kepada kejujuran responden dalam menjawab soal selidik yang diberi.

METODOLOGI

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi ialah sekumpulan besar individu yang hendak dikaji. Ia juga merupakan objek atau peristiwa yang dikaji. Sampel pula ialah kumpulan yang dikaji yang didapati daripada populasi (Mohd Yusof Arshad, 1998).

Dalam kajian ini, populasi kajian terdiri daripada usahawan-usahawan Baba dan Nyonya di sekitar Bandar Melaka. Namun begitu, penyelidik tidak dapat mengetahui jumlah sebenar populasi kajian. Ini disebabkan pihak yang terbabit tidak dapat memberi bilangan sebenar jumlah usahawan yang berketurunan Baba dan Nyonya. Mereka hanya menyimpan rekod serta butiran berdasarkan bangsa usahawan itu. Seseorang yang berbangsa Cina tidak semestinya berasal daripada keturunan Baba dan Nyonya. Oleh itu, penyelidik telah menetapkan 30 orang usahawan Baba dan Nyonya sahaja sebagai responden kajian bagi memudahkan pengumpulan data dibuat. Menurut Mohd. Najib (1998), jumlah 30 orang responden adalah mencukupi untuk mewakili sesuatu populasi.

Sebagaimana diketahui, sampel merupakan sumber bagi mendapatkan data. Sampel yang diambil terdiri daripada para usahawan berketurunan Baba dan Nyonya yang mengusahakan perniagaan sendiri. Menurut Ahmad Mahzan (1991), sampel merupakan sekumpulan kecil unsur yang telah diambil daripada satu rangka persampelan. Sampel dikatakan mewakili sesuatu populasi di dalam sebarang tinjauan.

Bagi mengelakkan penyelidik tidak terbias untuk memilih mana-mana elemen, maka kaedah sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk sampel rawak mudah. Ini disebabkan kaedah rawak membenarkan tiap-tiap satu elemen mempunyai peluang yang sama untuk dipilih (Syed Arabi, 1992). Peluang bagi elemen dipilih adalah jelas serta dapat diperhitungkan. Oleh kerana sampel yang dipilih adalah berdasarkan kaum, maka jenis persampelan yang digunakan adalah sampel kluster atau kelompok.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah dengan menggunakan borang soal selidik. Soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan kerana penggunaannya dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberi oleh sampel. Ini kerana jawapan yang diberikan tidak dipengaruhi oleh tingkah laku ataupun sikap penyelidik. Responden bebas untuk menyatakan jawapan sendiri bagi setiap item yang diberikan.

Soal selidik yang dibina terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi tujuh item yang berkaitan dengan latar belakang responden. Bahagian B pula mengandungi item-item yang berkaitan dengan empat faktor yang mempengaruhi penglibatan usahawan Baba dan Nyonya iaitu faktor latar belakang keluarga, faktor sikap, faktor motivasi, dan yang terakhir, faktor kemahiran usahawan.

Dalam bahagian B, terkandung 40 item soalan. Setiap item soal selidik menggunakan Skala Likert lima peringkat yang berbeza bagi menunjukkan tahap kepersetujuan responden daripada ekstrem yang negatif ke ekstrem positif. Skala jenis ini memberi pilihan daripada satu ekstrem kepada ekstrem yang lain dengan memberi jawapan tidak pasti di tengahnya. Skala Likert dikatakan mempunyai darjah kebolehpercayaan yang tinggi dan mempunyai kelebihan berbanding skala-skala lain. Ini dibuktikan apabila Azizi Yahaya et al (2007) telah menyenaraikan kelebihankelebihan Skala Likert iaitu:

- i. Penyediaan yang lebih mudah.
 - ii. Kaedah ini berasaskan data empirikal berkaitan maklum balas subjek berbanding pendapat subjektif para juri.
 - iii. Kaedah ini menghasilkan lebih banyak skala sama jenis dan meningkatkan kemungkinan satu unit sikap diukur dan ini dapat meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan.

Dalam soal selidik ini, responden dikehendaki memberi jawapan dengan memilih salah satu daripada lima aras persetujuan terhadap item-item yang dikemukakan. Pembahagian skor mengikut lima aras persetujuan adalah seperti berikut:

Skor 1 = Sangat tidak setuju (STS)

Skor 2 = Tidak setuju (TS)

Skor 3 = Tidak pasti (TP)

Skor 4 = Setuju (S)

Skor 5 = Sangat Setuju (SS)

Setiap jawapan kemudiannya dikodkan semula daripada lima pilihan kepada tiga pilihan sahaja. Jawapan bagi skor 1 dan 2 digabungkan menjadi tidak setuju, jawapan bagi skor 3 kekal sebagai tidak pasti dan jawapan bagi skor 4 dan 5 diambil kira sebagai setuju. Ia bertujuan untuk memudahkan analisis data dilakukan. Jadual di bawah menunjukkan Skala Likert lima peringkat mengikut ekstrem.

Jadual 1 Skala Likert

Skala Likert	Singkatan	Skor	
Sangat Tidak Setuju	(STS)	1	Tidak Setuju
Tidak Setuju	(TS)	2	
Tidak Pasti	(TP)	3	Tidak Pasti
Setuju	(S)	4	
Sangat Setuju	(SS)	5	Setuju

Menurut Mohd Najib (2003), soal selidik dibina berdasarkan objektif dan teoriteori lepas. Oleh itu, item-item dalam soal selidik kajian ini telah dibina oleh penyelidik dengan merujuk kepada kajian-kajian terdahulu dan juga buku-buku rujukan yang berkaitan dengan aspek yang dikaji.

Untuk tujuan penganalisaan data, bilangan item yang dibina dibahagikan kepada beberapa bahagian mengikut faktor-faktor yang dikaji. Jadual 1 menunjukkan pembahagian item berdasarkan persoalan-persoalan kajian yang telah dipilih.

Jadual 2 Item-Item Soal Selidik

Bil.	Soalan Kajian	Nombor Item	Bil. Item
1.	Adakah latar belakang keluarga mempengaruhi masyarakat Baba dan Nyonya memilih kerjaya dalam bidang keusahawanan?	1,2,3,4,5,6,7,8	8
2.	Adakah faktor sikap mempengaruhi usahawan-usahawan Baba dan Nyonya dalam menceburi bidang keusahawanan?	9,10,11,12,13,14,15, 16,17,18,19,20	12
3.	Adakah usahawan Baba dan Nyonya dipengaruhi oleh faktor motivasi semasa membuat pilihan kerjaya dalam bidang keusahawanan?	21,22,23,24,25,26, 27,28,29,30	10
4.	Adakah faktor kemahiran mempengaruhi usahawan-usahawan Baba dan Nyonya menceburi bidang keusahawanan?	31,32,33,34,35,36, 37,38,39,40	10
Jumlah			40

Kajian Rintis

Kajian rintis ialah satu aktiviti yang penting bagi setiap kajian tinjauan. Tujuan utama kajian rintis adalah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Selain daripada menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, ia juga digunakan untuk menguji kaedah terbaik mentadbir instrumen, mengenal sampel, dan kesesuaian kaedah analisis (Mohd Najib, 2003).

Dalam kajian ini, penyelidik terlebih dahulu mendapatkan kesahan soalan soal selidik dengan memilih 10 responden secara rawak. Sebanyak sepuluh set soal selidik telah diedarkan kepada usahawan-usahawan

Cina di sekitar kawasan Skudai. Borang soal selidik ini telah diedarkan oleh penyelidik dan dikumpul balik setelah responden siap menjawab.

Data yang diperolehi melalui kajian rintis dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) version 12.0. Menurut Mohd. Najib (2003), kebolehpercayaan perlu dibuktikan melalui ujian statistik. Nilai korelasi antara item perlu dikira dan dinyatakan. Nilai indeks ujian *Alpha Cronbach* yang melihat korelasi satu item dengan item lain yang setara dengannya adalah antara 0 hingga 1. Nilai 0.8 adalah memadai untuk diterima sebagai tahap kebolehpercayaan yang sesuai untuk sesuatu alat.

Kebolehpercayaan soal selidik yang telah diuji melalui kajian rintis ini memberikan nilai korelasi *Alpha Cronbach* 0.89. Oleh itu, kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik dianggap tinggi dan boleh diterima. Jadual di bawah telah dijadikan sebagai rujukan korelasi.

Jadual 3 Nilai Korelasi dan Interpretasinya

Nilai Indeks Korelasi	Interpretasi
0.0 – 0.2	Sangat lemah
0.21 – 0.4	Lemah, rendah
0.41 – 0.7	Sederhana
0.71 – 0.9	Tinggi, kuat
0.91 – 1.0	Sangat tinggi, sangat kuat

(Sumber: Mohd. Najib, 2003)

PERBINCANGAN

Rumusan daripada analisis keseluruhan menunjukkan bahawa faktor tertinggi yang mendorong masyarakat Baba dan Nyonya di Bandar Melaka menceburι bidang keusahawanan ialah melalui soalan kajian yang kedua iaitu dari faktor sikap usahawan itu sendiri dengan nilai min purata setinggi 4.23. Faktor kedua tertinggi ialah kemahiran-kemahiran yang dimiliki oleh usahawan dengan purata min keseluruhan 3.94. Faktor ketiga yang menyumbang kepada penyertaan masyarakat Baba dan Nyonya dalam bidang keusahawanan ialah faktor motivasi dengan nilai min purata 3.89. Nilai min bagi ketiga-tiga faktor di atas mencatatkan tahap penilaian yang tinggi.

Didapati soalan kajian yang pertama iaitu faktor latar belakang keluarga merupakan faktor yang terendah dan juga merupakan faktor yang paling kurang mendorong masyarakat Baba dan Nyonya dalam menceburι bidang keusahawanan iaitu dengan nilai min purata berada pada tahap 3.24 sahaja. Nilai min itu juga menunjukkan ia hanya berada di tahap penilaian sederhana jika dibandingkan dengan nilai min bagi faktor-faktor yang lain.

RUMUSAN

Usahawan memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan ekonomi sesebuah negara. Kerajaan sememangnya menggalakkan muda-mudi untuk menceburι bidang keusahawanan. Pelbagai usaha dilakukan bagi menambah bilangan usahawan di negara kita. Dengan faktor kegawatan ekonomi yang tidak menentu pada zaman sekarang, ramai orang cenderung untuk memulakan bisnes sendiri bagi

menampung hidup. Terdapat juga mereka yang bercita-cita sejak dari kecil lagi untuk membuka perniagaan sendiri untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya.

Kajian yang dijalankan ini mengambil kira empat faktor iaitu faktor latar belakang keluarga, faktor sikap usahawan itu sendiri, faktor motivasi dan yang terakhir, faktor kemahiran-kemahiran yang dimiliki oleh usahawan. Faktor-faktor ini merupakan di antara faktor utama yang mendorong masyarakat Baba dan Nyonya di bandar Melaka menceburi bidang keusahawanan. Setiap faktor memainkan peranan yang begitu penting dalam membantu penglibatan masyarakat Baba dan Nyonya dalam dunia keusahawanan. Masalah-masalah berkaitan dengan kesulitan atau kekangan bagi melahirkan lebih ramai usahawan perlulah ditangani dengan segera supaya negara tidak ketandusan usahawan tempatan seterusnya dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

Akhir sekali, kajian-kajian yang lebih sistematik di bidang yang berkaitan amatlah perlu bagi mendorong lebih ramai orang untuk menceburi bidang keusahawanan. Ini adalah demi mewujudkan keadaan ekonomi yang stabil dan berkesan lantas menjadikan negara kita sebagai sebuah negara yang berkembang pesat sejajar dengan kemajuan ekonomi.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof (2000). *Usahawan Dan Keusahawanan: Satu Penilaian*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Abdillah Royo (2007). *Pengenalan Kepada Keusahawanan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Mahzan Ayob (1991). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi, Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ahmad Shafee Sabaruddin (2003). *Kecemerlangan Hak Setiap Orang*. Kuala Lumpur: Pustaka Cipta Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya et al (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Barjoyai Bardai (2000). *Keusahawanan Dan Perniagaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Barjoyai Bardai dan Mohd Fairuz Md. Salleh (1998). *Peluang Perniagaan*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Hosmer, LaRue. T., Cooper, Arnold C., dan Vesper, Karl H.; Penterjemah Abd Rashid
- Mustafa, Noorlela Hassan (1993). *Fungsi Keusahawanan: Teks Dan Kes Bagi Firma Kecil*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hoy, W.K. dan Miskel (1982). *Educational Administration: Theory Research and Practise*. New York: Random House.
- Jaafar Sidik et al (1998). *Kemahiran Hidup Bersepadu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan (2007). *Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim (1990). *Kertas Kerja III. Perpaduan Melaka Abad Ke-15 Dan Masa Kini: Satu Perbandingan*. Seminar Sejarah Sempena Perayaan Melaka Menjelang 600 Tahun: Melaka Perintis Perpaduan Dalam Kepelbagaiannya Di Malaysia.